

CNS2264

U GB 13-08 00149 BH447

aab

Mahathir - JMF

DR MAHATHIR AKAN TELITI KEPUTUSAN BERHUBUNG JMF

ALOR SETAR, 13 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan meneliti keputusan kerajaan Johor yang bersetuju memperakukan pembubaran pasukan askar Timbalan Setia Negeri Johor (JMF) yang berusia lebih seabad.

"Saya belum mendapat maklumat apa...saya nak tahu dulu apa sebenarnya yang berlaku," kata Perdana Menteri kepada pemberita di lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di sini, sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur, hari ini.

Beliau taiba pagi tadi untuk lawatan kerja sehari ke kawasan parlimennya di Kubang Rasu.

Dr Mahathir berkata, kabinet telah menyediakan kertas cadangan mengenai masa depan JMF dan antara cadangannya ialah sama ada anggota-anggotanya diserapkan ke dalam angkatan tentera ataupun diberhentikan dan diberi pencen.

Ketika ditanya kemungkinan penyerapan ke dalam angkatan tentera, beliau berkata: "Mungkin...itu satu daripada cadangan." -- lagi

▼13/08/20-01MS"

U GB 13-08 00220 BH451

aab

Mahathir - JMF 2 Alor Setar

Menteri Besar, Tan Sri Haji Muhyiddin Yassin hari ini berkata di Johor Baharu, keputusan itu dibuat pada mesyuarat Exco kerajaan negeri sebulan lepas, setelah ia meneliti kertas cadangan Kabinet itu.

Muhyiddin berkata, kerajaan negeri kini menyerahkan balik soal itu kepada kabinet untuk membuat keputusan lanjut daripada segi undang-undang di peringkat Persekutuan dan Perlembagaan Persekutuan, memandangkan soal keselamatan negara melibatkan tanggungjawab kerajaan pusat.

JMF kini memberikan perkhidmatan tentera peribadi kepada Sultan Johor. Antara lain, ia mengawal istana dan menyediakan pancaragam untuk acara rasmi yang melibatkan Sultan dan kerabat terdekat.

Ketika diminta mengulas satu perhimpunan yang dijadual diadakan oleh beberapa pemimpin tertinggi UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra malam esok, yang dipercayai ada kaitan dengan pemilihan pucuk pimpinan UMNO November ini, Dr Mahathir berkata: "Saya tak ada apa komen."

Ketika ditanya sama ada perhimpunan itu wajar atau tidak beliau berkata: "Saya tak mahu komen wajar atau tak wajar. Saya tak hendak komen apa-apa kegiatan yang berkaitan dengan pemilihan (UMNO) kerana saya tidak hendak memihak kepada siapa-siapa."

Mengenai sama ada beliau membenarkan perhimpunan itu diadakan, Dr Mahathir berkata beliau tidak mempunyai hak untuk membenarkan atau tidak membenarkan perhimpunan seumpama itu dan berharap jika perhimpunan diadakan ia tidak sampai menimbulkan perpecahan (parti). -- lagi

▼13/08/20-40MS"

U GB 13-08 00116 BH453

aab

Mahathir - JMP 3 Alor Setar

Katanya sebagai Presiden UMNO beliau telah menyatakan pendiriannya mengenai pemilihan UMNO dan terpulanglah kepada anggota parti membuat penilaian.

"Jika sekalipun perhimpunan itu melibatkan pemimpin peringkat tinggi, dalam UMNO bebas, siapapun bebas," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, anggota UMNO juga boleh membuat penilaian sendiri sama ada faktor umur dan pengalaman penting dalam memilih pemimpin.

Tentang projek pelancongan Pedu Lake Golf Club di Tasik Empangan Pedu yang dilawatinya petang tadi, Perdana Menteri berkata, projek itu kini telah mencapai banyak kemajuan.

"Saya yakin ia akan menjadi hotel yang cukup menarik dengan padang golf dan tasik yang indah," katanya. -- Lagi

13/08/20-50MST

CNS2298

U GB 13-08 00124 BH454

aab

Mahathir - JMP 4 (Akhir) Alor Setar

Menurutnya, 100 bilik hotel dan padang golf sembilan lubang akan siap Disember ini manakala jalan tar ke tempat itu sepanjang 9.5 km akan dibina bagi menghubungkannya dengan jalan raya yang ada.

Projek itu yang dimajukan oleh Pemas-OHB, dijangka mempunyai hotel 200 bilik dan padang golf 18 lubang dengan kos RM45 juta.

Perdana Menteri berkata, kawasan pelancongan di Empangan Pedu itu kelak sesuai sebagai tempat perkelahan dan bermain bot.

Beliau pergi ke Empangan Pedu dengan menaiki helikopter dari sini, dengan diiringi oleh Menteri Besar Tan Sri Haji Osman Aroff dan Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Usahawan Negori, Datuk Syed Razak Syed Zain.

-- Bernama

KHY MAI